

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri?

Insurans Kemalangan Diri memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM73.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
- Kematian akibat kemalangan – RM50,000 - Hilang upaya kekal akibat kemalangan – sehingga RM50,000 - Manfaat mingguan untuk hilang upaya menyeluruh sementara – RM50 seminggu, sehingga 104 minggu - Manfaat mingguan untuk hilang upaya separa sementara – RM25 seminggu, sehingga 104 minggu - Perbelanjaan perubatan – sehingga RM500 - Perbelanjaan pengebumian atau pembakaran mayat – sehingga RM2,000	- Risiko peperangan - Risiko nuklear - HIV/AIDS - Kecederaan diri yang disengajakan dan membunuh diri - Sebarang jenis penyakit, wabak atau keadaan perubatan tidak teratur - Melahirkan anak, keguguran, kehamilan - Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada - Di bawah pengaruh dadah - Operasi polis atau tentera - Aktiviti penerbangan dalam pesawat udara selain sebagai penumpang dalam pesawat udara yang berlesen - Sukan profesional atau separa profesional - Persembahan berisiko tinggi - Pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi - Melakukan aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Dengan membayar premium tambahan (bebanan), anda boleh memperluaskan perlindungan dengan memasukkan lanjutan berikut:

Lanjutan Perlindungan	Bebanan
(a) Risiko Perkayuan	50%
(b) Penerbangan Tidak Berjadual	15%
(c) Memburu	20%
(d) Seni Mempertahankan Diri	20%
Jika kombinasi lanjutan perlindungan 2 atau lebih daripada (b), (c) dan (d) yang dipilih.	30%

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM73.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM73.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028, dengan syarat premium kasar tahunan tidak melebihi RM150)
Komisen	25% daripada premium atau RM18.25 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM5.84

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini ialah tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium penuh telah dibayar dan diterima oleh syarikat sebelum tarikh bermula/berkuatkuasa polisi ini atau pengendorsan yang disertakan atau pembaharuan seterusnya.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur di antara 16 hingga 65 tahun dan boleh diperbaharui hingga umur 70 tahun.
- Sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Manfaat Mingguan hendaklah ditolak daripada mana-mana jumlah yang perlu dibayar di bawah manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal.
- Anda atau wakil diri anda hendaklah memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami dan kami akan mengembalikan sebarang premium bagi tempoh yang belum tamat dikira mengikut kadar jangka pendek kami.

Kami boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi 7 hari notis melalui surat berdaftar ke alamat terakhir yang dalam pengetahuan kami, dan kami akan mengembalikan bahagian premium yang sejajar dengan tempoh insurans yang belum tamat.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
- Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

1. Jadual Manfaat dan Kadar Skala

NO.	MANFAAT	JUMLAH DIINSURANSKAN (bagi setiap RM)	PREMIUM TAHUNAN (RM)		
			Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
A.	Kematian dan Hilang Upaya Kekal	1,000	1.125	1.35	2.50
B.	Hilang Upaya Sementara (Manfaat Mingguan) (i) Hilang Upaya Menyeluruh – Pampasan Mingguan apabila berlaku Hilang Upaya Menyeluruh Sementara daripada melakukan atau membuat kerja-kerja biasa, pekerjaan atau tugas. (ii) Hilang Upaya Separa – Pampasan Mingguan pada kadar 50% daripada pampasan dibayar berkenaan Hilang Upaya Menyeluruh Sementara.	10	1.85	2.40	4.80
C.	Perbelanjaan Perubatan Had Indemniti	500	7.50	9.75	18.00
		1,000	11.00	13.50	28.00
		2,000	16.50	19.50	39.00
		3,000	22.50	25.50	50.00
		5,000	39.00	45.00	Tidak Berkenaan

Nota: Premium tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan.

2. Klasifikasi Pekerjaan

Kelas 1	Profesional dan kelas pekerjaan yang bukan penyeliaan atau yang melibatkan kerja manual, iaitu, orang yang secara amnya terlibat dalam profesional, pentadbiran, pengurusan dan kerja perkeranian.
Kelas 2	Penyeliaan tetapi yang bukan melibatkan kerja-kerja manual tetapi yang melibatkan dalam pemborongan atau peniaga runcit dan yang melibatkan perjalanan yang berkaitan perniagaan atau tujuan profesional.
Kelas 3	Profesional dan pekerjaan yang melibatkan kadang-kadang atau kerap kali kerja manual tapi tidak semestinya berbahaya tetapi melibatkan penggunaan alatan dan mesin (bukan menggunakan mesin perkayuan).

Nota: Sesetengah pekerjaan yang di dalam lingkungan klasifikasi yang lebih tinggi tidak akan dipertimbangkan untuk insurans.

Excluded Occupations

Penyelam, tentera dan penguatkuasa undang-undang, juruterbang, pelaut, pelumba kenderaan laju, joki, pekerja pelantar minyak, penggergaji dan pekerja kayu balak dan pekerjaan lain yang berkaitan.